

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 27

Y.B. TUAN WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan bahawa adakah benar pencarum yang ingin membuat pengeluaran KWSP untuk membina rumah hendaklah mempunyai tapak rumah milik mereka sendiri dan status tanah mereka hendaklah bergeran. Jika ini benar, ia amat menyusahkan pencarum dari Sarawak untuk membuat pengeluaran membina rumah mereka sendiri kerana kebanyakan status tanah di Sarawak adalah status tanah adat dan tidak bergeran. Jika benar ini berlaku, adakah pihak Kementerian akan melonggarkan syarat pengeluaran KWSP untuk golongan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Skim Pengeluaran Membina Rumah, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mensyaratkan ahli KWSP mengemukakan Geran atas nama ahli untuk memastikan ahli mempunyai pemilikan ke atas rumah yang dibina. Ini selaras dengan misi KWSP untuk melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan terbaik serta visi KWSP untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.
2. Walau bagaimanapun, bagi permohonan pembinaan rumah di atas Tanah Adat di Sabah dan Sarawak, KWSP telah melonggarkan syarat tersebut. Ahli hanya diminta untuk mengemukakan beberapa dokumen seperti Surat Perjanjian Bina Rumah yang mengandungi nama ahli dengan tempoh perjanjian tidak melebihi 3 tahun dari tarikh permohonan atau Surat Akuan Sumpah daripada ahli mengenai pembinaan rumah yang mengandungi butiran harta, jenis rumah, tarikh mula pembinaan dan kos pembinaan.
3. Selain itu, ahli juga dikehendaki mengemukakan surat Kebenaran Membina Rumah daripada Ketua Puak / Masyarakat yang diiktiraf dan disahkan oleh Pejabat Tanah (Land Survey Department) serta pengesahan bergambar ahli bersara bersama Ketua Puak / Masyarakat di hadapan Rumah Yang Dibina. Ahli juga dikehendaki mengemukakan bukti bayaran sekurang-kurangnya 20% daripada kos pembinaan seperti resit bayaran atau bil pembelian bahan binaan dan surat pengesahan bayaran daripada kontraktor (bukti bayaran di atas tidak melebihi tempoh 3 tahun daripada tarikh permohonan diterima).